

Berkorban untuk agama, bangsa, negara — Dr. M

KUALA LUMPUR 20 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, umat Islam hendaknya sanggup mengorbankan kepentingan diri demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

Dalam perutusannya sempena Hari Raya Aidiladha, beliau menegaskan, pengorbanan ini adalah perlu bagi keteguhan umat Islam seluruhnya.

Perdana Menteri menegaskan, pertelingkahan sesama umat Islam mengenai hal-hal yang remeh-temeh tidak akan membawa mereka ke mana-mana, malahan boleh memudaratkan semua masyarakat.

“Umat Islam memang digalakkan supaya sentiasa membuat pengorbanan demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara,” ujar beliau dalam perutusan tersebut yang dikeluarkan di sini petang ini.

Dr. Mahathir menambah, jika nilai-nilai korban ini dijadikan sebahagian daripada panduan dalam kehidupan harian, umat Islam dan agama Islam akan lebih berjaya dan dihormati oleh dunia.

Perdana Menteri juga berkata, kemakmuran ekonomi, kesenangan hidup dan kemajuan pembangunan yang dinikmati sekarang adalah hasil daripada toleransi, kerjasama dan perpaduan semua kaum di negara ini.

Keadaan aman damai ini turut memudahkan umat Islam meningkatkan lagi syiar Islam di negara ini hingga dihormati dan disanjung tinggi oleh semua pihak, ujarinya.

Beliau menambah, dalam kegembiraan menyambut Hari Raya, umat Islam tidak harus lupa kepada mereka yang tidak dapat berhari raya bersama keluarga dan sanak-saudara seperti keluarga anggota-anggota tentera yang sedang berkhidmat di Bosnia Herzegovina, Somalia dan di negara-negara lain kerana menjaga keamanan dunia.

Katanya, pengorbanan tentera negara ini serta keluarga mereka adalah besar ertinya dan perlu disanjung tinggi oleh rakyat.

“Sempena hari yang mulia ini marilah kita berdoa semoga para jemaah haji kita yang berada di Tanah Suci sentiasa dilindungi Allah dan selamat menunaikan fardu haji,” katanya.

Dr. Mahathir dan isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali mengucapkan selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua muslimin dan muslimat.

Umat Islam di negara ini, katanya, harus bersyukur kerana sekali lagi dapat menyambut hari yang mulia itu dengan sempurna.